RINGGIT

EDISI MEI 2017

RAKAN KEWANGAN ANDA



Biro Insurans Motor *(Motor Insurance Bureau)*



Menjana Pendapatan Tambahan



Beli Belah Dalam Talian Semakin Berkembang Di Malaysia

Fahami Tentang

Liberalisasi Insurans Motor

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Fahami Tentang Liberalisasi Insurans Motor

Bermula pada 1 Julai 2017, Bank Negara Malaysia (BNM) akan melaksanakan langkah liberalisasi tarif insurans motor dengan memperkenalkan penetapan harga fleksibel untuk produk insurans kenderaan komprehensif, insurans kebakaran dan kecurian kenderaan.

Walau bagaimanapun, premium bagi produk motor pihak ketiga akan terus tertakluk kepada kadar tarif.

Langkah ini susulan kepada pelaksanaan fasa pertama liberalisasi tarif motor dan kebakaran yang diperkenalkan pada 1 Julai 2016 apabila syarikat insurans dan pengendali Takaful diberi fleksibiliti untuk menawarkan produk baharu dan perlindungan tambahan kenderaan yang tidak disenaraikan dalam tarif ketika itu.

Pada 1 Julai nanti, kadar premium bagi produk insurans motor komprehensif, produk kebakaran dan kecurian motor pihak ketiga akan ditentukan oleh syarikat insurans dan pengendali Takaful.

Bagi membantu pengguna, berikut adalah soalan lazim tentang liberalisasi insurans motor ini:

1. Apakah maksud liberalisasi insurans motor?

Liberalisasi insurans motor bermaksud harga produk insurans motor tidak akan lagi ditentukan berdasarkan Tarif Motor (senarai harga yang telah ditetapkan). Harga produk insurans motor akan ditentukan oleh setiap penanggung insurans dan pengendali takaful.

Pengguna kini boleh menikmati pilihan produk insurans motor yang lebih luas pada harga yang kompetitif memandangkan liberalisasi menggalakkan inovasi dan persaingan antara penanggung insurans dengan pengendali takaful.



Penanggung insurans dan pengendali takaful boleh mengenakan premium yang berpadanan dengan faktor risiko yang lebih luas yang sedia ada dalam kumpulan pemegang polisi yang diinsuranskan dan juga menjual produk-produk baharu yang tidak ditetapkan di bawah tarif.

2. Bagaimanakah premium insurans dikira hari ini?

Premium insurans dikira berdasarkan nilai diinsuranskan dan model kenderaan. Selain itu, penanggung insurans dibenarkan menggunakan bebanan premium terhad berdasarkan umur pemandu dan jumlah kemalangan yang pernah dialami. Bergantung pada rekod tuntutan oleh pemandu, premium yang dikira untuk dibayar diselaraskan dengan diskaun (Diskaun Tanpa Tuntutan atau NCD).

Lazimnya, pemandu yang mempunyai rekod memandu yang baik akan menikmati peratusan NCD yang lebih tinggi sehingga 55%.

Walau bagaimanapun, pemandu mungkin menerima sebut harga yang berbeza daripada penanggung insurans yang berbeza disebabkan faktor-faktor lain seperti dinyatakan di atas.



"…. setiap penanggung insurans dan pengendali takaful mempunyai cara yang berbeza-beza dalam menentukan profil risiko kumpulan, harga polisi motor akan berbeza daripada satu penanggung insurans kepada penanggung insurans yang lain."

3. Bagaimanakah harga premium insurans ditetapkan mulai 1 Julai 2017 dan seterusnya?

Mulai 1 Julai 2017, dalam persekitaran yang liberal, lebih banyak faktor risiko akan diambil kira untuk menentukan premium. Selain nilai diinsuranskan, keupayaan enjin kenderaan, umur kenderaan dan umur pemandu, premium mungkin didorong oleh faktor lain. Faktor-faktor ini mungkin termasuk ciri-ciri keselamatan di dalam kenderaan, tempoh kenderaan itu berada di jalan raya, lokasi geografi kenderaan (dalam kawasan yang mengalami insiden kecurian yang tinggi) dan kesalahan lalu lintas yang pernah dialami. Faktor-faktor ini akan menentukan profil risiko kumpulan pemegang polisi yang akan menentukan premium.

Memandangkan setiap penanggung insurans dan pengendali takaful mempunyai cara yang berbeza-beza dalam menentukan profil risiko kumpulan, harga polisi motor akan berbeza daripada satu penanggung insurans kepada penanggung insurans yang lain.

4. Bilakah Liberalisasi Tarif Motor akan dilaksanakan?

Fasa 1 Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran telah diperkenalkan pada 1 Julai 2016. Semasa fasa permulaan ini, penanggung insurans dan pengendali takaful diberikan fleksibiliti untuk menawarkan produk baharu motor dan perlindungan tambahan yang tidak ditetapkan di bawah tarif yang sedia ada.

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Mulai 1 Julai 2017, liberalisasi kadar premium produk Motor Komprehensif; dan produk Motor Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian akan dilaksanakan, dan penetapan harga premium akan ditentukan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful masing-masing.

Walau bagaimanapun, kadar premium produk Motor Pihak Ketiga akan terus tertakluk pada kadar tarif.

Produk dan perlindungan motor yang sedia ada ialah:





5. Apakah manfaat pelaksanaan Liberalisasi Tarif Motor?

Manfaat untuk pengguna termasuk:

- Kualiti perkhidmatan yang meningkat dan rangkaian produk yang lebih pelbagai pada harga yang kompetitif disebabkan oleh persaingan yang lebih sengit dalam kalangan penanggung insurans dan pengendali takaful;
- Pengguna dan perniagaan boleh mendapatkan perlindungan terbaik yang memenuhi keperluan insurans mereka dengan adanya produk baharu yang mempunyai ciri yang berbeza;
- Pemandu akan digalakkan memupuk tabiat pemanduan yang selamat untuk keselamatan diri sendiri dan juga orang ramai memandangkan ciri-ciri keselamatan akan menjadi salah satu faktor yang menentukan premium.
- Pengguna boleh meraih manfaat apabila membuat perbandingan bagi mendapatkan pilihan terbaik yang bersesuaian dengan keperluan mereka berikutan penetapan harga yang kompetitif oleh penanggung insurans dan pengendali takaful.
- Saluran pengagihan baharu seperti saluran dalam talian yang berkesan dari segi kos akan membolehkan perlindungan insurans dibeli dengan cara yang paling mudah oleh pengguna.

6. Apakah yang perlu saya lakukan apabila membeli perlindungan insurans dalam pasaran yang liberal?

Pengguna perlu mempertimbangkan faktor berikut apabila membeli insurans:

- Anda tidak seharusnya menjadikan harga sebagai satu-satunya faktor yang perlu diambil kira apabila membeli pelan perlindungan insurans. Anda perlu memberikan perhatian pada perkara yang dilindungi oleh polisi, pengecualian dan piawaian perkhidmatan pelanggan.
- Anda perlu membuat perbandingan dengan menghubungi ejen, penanggung insurans atau pengendali takaful melalui pusat perhubungan atau saluran dalam talian untuk mengemukakan pertanyaan atau mendapatkan khidmat nasihat bagi mendapatkan perlindungan yang sebenar yang memenuhi keperluan perlindungan anda pada harga yang anda persetujui.



- Sila pastikan perbandingan dibuat lebih awal sebelum polisi insurans anda tamat tempoh. Penanggung insurans atau pengendali takaful akan memaklumi anda sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tempoh polisi insurans motor anda tamat.

7. Saya baru sahaja membaharui perlindungan insurans motor saya pada 1 Jun 2016. Bolehkah saya membeli produk tambahan untuk menambah perlindungan insurans motor saya?

Ya, anda boleh membeli produk tambahan untuk menambah perlindungan insurans anda bagi kenderaan yang sama.

Sebagai pilihan lain, anda boleh membeli produk motor baharu untuk memenuhi keperluan anda, bagi menggantikan perlindungan insurans motor sedia ada untuk tempoh perlindungan selanjutnya. Sebelum menamatkan perlindungan insurans motor anda yang sedia ada, sila hubungi ejen, penanggung insurans atau pengendali takaful anda untuk mengetahui jumlah premium secara prorata, manakala lebihan bayaran yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda oleh penanggung insurans atau pengendali takaful anda.

Buatlah keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi dengan mendapatkan sebut harga yang berbeza dengan menghubungi ejen, penanggung insurans dan pengendali takaful melalui pusat panggilan atau saluran dalam talian, sebelum anda membuat pembelian.

8. Bagi polisi insurans motor sedia ada yang perlindungannya melangkaui 1 Julai 2017, berapakah premium yang akan dikenakan?

Premium yang akan dikenakan adalah berdasarkan tarikh ulang tahun polisi (tarikh polisi insurans motor anda tamat tempoh) bagi polisi motor.

9. Adakah produk insurans Motor Pihak Ketiga akan ditawarkan kepada pengguna?

Produk insurans Motor Pihak Ketiga masih ditawarkan kepada pengguna yang ingin membeli perlindungan insurans motor asas pada kadar tarif.

10. Apakah akan terjadi pada NCD?

Struktur NCD tidak berubah dan masih boleh dipindahkan daripada satu syarikat insurans atau pengendali takaful kepada syarikat insurans atau pengendali takaful yang lain.

Anda masih berhak mendapat NCD mengikut apa yang anda layak.

11. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat produk baharu yang tersedia dan bagaimanakah saya hendak memilih produk yang akan memenuhi keperluan saya?

Anda dinasihati untuk selalu berhubung dengan penanggung insurans atau pengendali takaful atau ejen anda mengenai produk baharu dan perlindungan tambahan yang diperkenalkan.

Buatlah keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang mencukupi dengan mendapatkan sebut harga yang berbeza dengan menghubungi ejen, penanggung insurans atau pengendali takaful melalui pusat perhubungan atau saluran dalam talian mereka.

Sumber: Laman sesawang Bank Negara Malaysia

Biro Insurans Motor
(Motor Insurance Bureau)



Apa yang perlu anda lakukan jika dilanggar dan dicederai oleh pemandu yang tidak dilindungi oleh polisi insurans yang sah?

Kebanyakan pengguna Malaysia telah mengetahui jika berlaku kemalangan yang melibatkan kenderaan, anda boleh membuat tuntutan pihak ketiga ke atas syarikat insurans kenderaan pihak bersalah. Tetapi apa pula yang akan terjadi jika kenderaan yang menyebabkan kemalangan kepada anda itu tidak mempunyai perlindungan insurans. Daripada siapakah anda boleh membuat tuntutan?

Inilah peranan yang dimainkan oleh Biro Insurans Motor (*Motor Insurance Bureau* atau MIB). MIB telah ditubuhkan pada 15 Jan 1968 melalui perjanjian yang dimeterai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia, syarikat-syarikat insurans Am Malaysia dan Biro (MIB) itu sendiri. Tujuan penubuhan MIB adalah bagi menyediakan bantuan pampasan kewangan kepada mangsa kemalangan (sama ada sebagai pemandu, penumpang atau pejalan kaki), jika dilanggar oleh kenderaan yang tidak memiliki polisi insurans.

Terdapat beberapa langkah penting yang perlu anda ambil untuk membuat tuntutan dari MIB:



Sumber: www.ibanding.com



Menjana Pendapatan Tambahan

Dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar dan kos sara hidup kian meningkat, ramai orang ingin mencari pekerjaan tambahan bagi menambahkan pendapatan. Bagi membantu mereka yang ingin mendapatkan pendapatan tambahan, berikut adalah beberapa peluang yang boleh menjana pendapatan tambahan, tanpa memerlukan masa dan tenaga yang banyak.

1. Berniaga barang-barang terpakai



Anda ada buku-buku lama yang tidak dibaca lagi? Ataupun mesin senaman yang terbiar mengambil ruang sudut bilik, saksi azam Tahun Baru yang tertangguh? Apakata jana sedikit untung di sebalik hasrat anda untuk mengemas rumah. Anda boleh jual barang-barang anda secara dalam talian di *eBay* atau *Mudah.com*, sertai *carboot sale* ataupun aturkan *yard sale* di perkarangan rumah anda.

2. Menjadi '*freelancer*'



Dengan kadar penembusan pengguna internet yang semakin ramai pada masa ini, anda wajar mengambil kesempatan daripadanya. Anda boleh mengiklankan bakat dan kebolehan yang anda ada dan mencari projek sampingan untuk menjana pendapatan tambahan. Bergantung kepada kepakaran anda, projek-projek ini kadangkala mungkin kecil, namun bayaran yang ditawarkan adalah lumayan. Platform seperti *Fiverr*, *Freelancer.com* dan *Upwork.com* antara laman-laman sesawang yang boleh anda lawati untuk mencari projek-projek tersebut.

3. Menjadi tutor



Jika anda mahir dalam sesuatu mata pelajaran, anda boleh menjadikannya untuk menambah pendapatan, iaitu menjadi seorang tutor. Terdapat ramai pelajar yang inginkan bantuan anda. Sebagai permulaan, anda boleh mengajar ahli keluarga anda terlebih dahulu dengan caj yang rendah.

4. Perkhidmatan sewa



Jika anda memiliki bilik atau rumah tambahan, anda boleh menyewakan hartanah tersebut untuk jangka masa yang singkat. Anda boleh menggunakan platform seperti iklaneka di kawasan anda ataupun AirBnb untuk tujuan ini. Anda juga boleh menggunakan langkah ini sekiranya anda memiliki kereta dengan menggunakan khidmat seperti *Grab* atau *Uber*.

5. Hobi anda



Anda boleh menjadikan hobi atau sesuatu yang anda minat sebagai sumber pendapatan. Sebagai contoh, anda minat memasak, menata rias, bertukang, dan sebagainya, maka ia boleh menjadi titik mula untuk anda menjual produk, membuka kelas, atau mencari rakan kongsi yang memiliki minat yang sama.

6. Melabur



Sekiranya anda mempunyai wang yang berlebihan, terdapat pelbagai pilihan untuk anda melabur – pilihan pelaburan seperti saham dan unit amanah. Pelaburan adalah salah satu cara yang amat popular dalam menjana pendapatan sampingan secara pasif. Namun, pastikan anda telah melakukan kajian menyeluruh, menyediakan modal yang besar dan bersedia untuk menghadapi risiko kerugian yang tinggi sewaktu memulakan pelaburan anda.

7. Menulis blog



Anda juga boleh menjana pendapatan tambahan jika anda minat menulis. Dengan menggunakan kemudahan blog, anda boleh menulis tentang apa juga topik yang anda minati - fotografi, sukan, teknologi, hatta berkebun sekalipun. Anda harus rajin menerbitkan artikel-artikel yang berkualiti tinggi untuk menarik minat pembaca. Jika blog anda dilawati oleh ramai orang, blog anda boleh menjana pendapatan melalui iklan atas talian, seperti *google ads*.

Kebanyakan cadangan di atas juga boleh menjadi pilihan bagi anda melegakan tekanan di luar waktu kerja. Sebaik sahaja anda berjaya mengimbangi keperluan kedua-dua kerjaya, anda akan mendapat lebih kebebasan dalam mengawal kestabilan kewangan anda.

Sumber: www.CompareHero.my



Beli Belah Dalam Talian Semakin Berkembang di Malaysia

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembelian dalam talian, juga dikenali sebagai E-dagang berkembang pesat di Malaysia. Pembelian dalam talian menjadi pilihan orang ramai kerana ia mudah dan menjimatkan masa. Pengguna tidak perlu lagi beratur di kaunter untuk membuat pembayaran kerana sistem pembayaran dalam talian sangat mudah dan cepat. Pengguna juga tidak perlu melalui kesesakan jalan raya atau mencari parkir di pusat membeli-belah. Dengan hanya satu klik sahaja, pengguna boleh membeli barang dan mempunyai banyak pilihan untuk membeli, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara.

Mengikut data yang diberikan oleh iPay88, sejumlah RM32.8 juta transaksi dalam talian direkodkan pada tahun 2016, berbanding dengan tahun yang sebelumnya yang berjumlah RM14.6 juta. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sangat selesa dan yakin untuk membeli barang dalam talian.

Walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini, ia tidak menghalang rakyat Malaysia daripada membeli belah dalam talian. Jumlah pengguna yang membeli di atas talian menunjukkan peningkatan berdasarkan data yang dikongsi oleh iPay88.

Aduan berkenaan pembelian dalam talian merupakan aduan tertinggi yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) dalam tempoh dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2014 dan 2015. Antara jenis aduan yang diterima oleh NCCC adalah barang yang dipesan tidak dihantar, pengguna terdedah kepada isu-isu penipuan, seperti barang yang diiklan dalam talian berbeza daripada realiti dari segi saiz dan warna serta pengguna berasa tertipu dengan iklan yang bertujuan untuk menarik minat pengguna untuk membeli.

Secara keseluruhannya, keyakinan pengguna dalam membeli barang dalam talian semakin meningkat pada masa kini. Tetapi, pengguna juga haruslah berhati-hati dan bijak memilih laman sesawang yang mereka berniat untuk membeli.

Pastikan syarikat tersebut berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan elakkan membeli produk yang diiklankan di laman sesawang yang tidak memberi penerangan yang jelas tentang produk mereka. Selain itu, pengguna juga perlu menyemak dan memeriksa produk yang dibeli sebaik sahaja ia sampai. Jika didapati terdapat masalah dengan produk tersebut, pastikan anda membuat aduan dengan segera.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyalahgunaan Nama Bank Negara Malaysia serta Nama dan Jawatan Pegawai-pegawai Kanannya



Penipuan menggunakan nama Bank Negara Malaysia, logo korporat serta nama dan jawatan pegawai-pegawai kanan Bank oleh pihak yang menipu dalam skim haram atau aktiviti penipuan lain adalah bertujuan untuk memperdaya orang ramai.

Skim haram atau aktiviti penipuan ini mungkin dipromosikan melalui e-mel, surat, panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau dalam bentuk komunikasi lain.

LINDUNGI DIRI ANDA DENGAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERIKUT:

1. **SILA ABAIKAN** sebarang panggilan telefon, surat, SMS atau e-mel yang mendakwa mereka daripada Bank Negara Malaysia dan mempelawa anda menyertai apa-apa skim pelaburan atau aktiviti yang disyaki sebagai penipuan.

2. **SENTIASA BERWASPADA** - Bank Negara Malaysia **TIDAK AKAN** menghubungi anda untuk mempromosikan sebarang skim pelaburan atau meminta maklumat perbankan peribadi. Bank Negara Malaysia juga tidak akan meminta anda membuat sebarang pemindahan wang.

3. **BERHATI-HATI APABILA BERURUSAN DENGAN SYARIKAT ATAU INDIVIDU** yang menggunakan surat perakuan yang kononnya dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau Pegawai-pegawai Kanannya untuk mendapatkan wang atau pelaburan daripada anda.

Jika anda dalam keraguan,
sila hubungi
atau lapor kepada:

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)
1-300-88-5465
Faks: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan, sila taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** hantar ke **15888**

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti penipuan kewangan, sila lawati laman **sesawang amaran penipuan kewangan** di
http://fraudalert.bnm.gov.my
atau berinteraksi dengan kami melalui Facebook di **http://facebook.com/bnm.official**

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play

******

JANGAN TUNGGU - MEMBELI-BELAHLAH DENGAN KAD PIN ANDA HARI INI!

Memperkenalkan PIN untuk semua kad kredit, debit, caj dan prabayar anda.
Dengan hanya 6 digit, keselamatan kad anda kini lebih terjamin.
Tukar kepada PIN 6 digit yang lebih selamat hari ini.

www.pinandpay.com.my



PELANGGAN-PELANGGAN YANG MEMPUNYAI KAD PIN

- Perhatikan pada logo PIN & BAYAR.
- Sebagai alternatif, bertanyalah kepada peruncit jika dia mempunyai terminal PIN.
- Sentiasa minta untuk memasukkan PIN anda.
- Sekiranya anda tidak ingat nombor PIN anda, hubungi pengeluar kad anda secepat mungkin.



PERUNCIT-PERUNCIT YANG MEMPUNYAI TERMINAL-TERMINAL PIN

- Paparkan logo PIN & BAYAR.
- Sentiasa benarkan pelanggan untuk memasukkan PIN sekiranya beliau mempunyai kad PIN.
- Ikut arahan-arahan di terminal.
- Apabila nombor PIN diminta, pusingkan pad PIN menghadap ke pelanggan sekiranya perlu dan benarkan pelanggan untuk memasukkan nombor PIN-nya dengan selamat.
- Jika pelanggan tidak tahu ataupun lupa akan nombor PIN-nya, bantu pelanggan untuk melengkapkan transaksi menggunakan tandatangan.
- **Tetapi, apa yang lebih penting adalah untuk meminta pelanggan yang tidak tahu nombor PIN mereka untuk menghubungi pengeluar-pengeluar kad mereka bagi mendapatkan PIN.**

Mempromosi penggunaan PIN dijalankan dengan kerjasama bersama Mastercard dan Visa.

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

******
PIN & BAYAR
KREDIT. DEBIT. CAJ. PRABAYAR

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia